

05 OCT 1999

Mahathir-kongsi

BERKONGSI KEKAYAAN, KATA MAHATHIR

Oleh: Muin Abdul Majid

VICTORIA FALLS (Zimbabwe), 5 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata penduduk Afrika jangan membiarkan diri mereka diambil kesempatan oleh orang lain, dengan memastikan kekayaan dikongsi bersama oleh pihak-pihak yang terlibat.

"Apa yang anda lakukan di Afrika, ia mesti dikongsi antara negara, rakyat dan pelabur," katanya kepada pemberita Malaysia pada sidang berita selepas menyampaikan ucapan pada jamuan makan malam sempena Dialog Antarabangsa Afrika Selatan Ke-3 di sini.

Perkongsian pintar, katanya, adalah idea yang baik, memandangkan setakat ini penduduk Afrika tidak mempunyai banyak perkongsian manakala kekayaannya pula dieksploitasi oleh orang lain.

"Mereka keluarkan bahan galian, penduduk Afrika sendiri tidak mendapat apa-apa, mereka hanya pekerja biasa, mereka tidak mendapat bahagian, mereka tidak terlibat dalam pengurusan," katanya.

Perdan akan pulang ke Kuala Lumpur hari ini setelah berada empat hari di sini, semasa di sini beliau telah ditanya pelbagai isu termasuk perkongsian pintar, Afrika dan Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF).

Beliau berkata rantau Afrika Selatan harus melaksanakan projek bersama bagi membolehkan mereka melihat manfaat daripada semangat perkongsian pintar.

Dr Mahathir berkata bidang kerjasama seumpama itu dapat dilakukan dalam sektor pertanian, yang mana negara-negara terbabit berkongsi taman-taman hidupan liar yang banyak di rantau itu.

"Mereka patut cuba satu projek dahulu dan lihat hasilnya dan yang lain akan menyusul.

Dr Mahathir mengakui rantau itu mempunyai masalah pelaksanaan kerana kekurangan pengetahuan, keusahawanan dan modal.

"Mereka perlu bekerja sama tetapi mereka belum fikirkan bagaimana untuk bekerjasama, kerana mereka adalah negara-negara ekonomi yang berbeza, mereka tidak berada pada tahap pertumbuhan yang sama," katanya.

Berkaitan kebimbangan yang disuarakan oleh Presiden Afrika Selatan Presiden Thabo Mbeki berkaitan pelaksanaan program di bawah perkongsian pintar, Dr Mahathir berkata kerajaan dan sektor swasta perlu memainkan peranan mereka untuk menggalakkan pelaburan.

Dr Mahathir berkata beliau mengambil peluang pada sesi dialog untuk berkongsi pengalaman Malaysia melaksanakan program ekonominya.

Beliau berkata pada mulanya Malaysia juga menghadapi banyak masalah walaupun ia telah mewujudkan Dasar Ekonomi Baru.

"Adalah mudah untuk menyatakan kita mahu dasar ekonomi baru tetapi bagaimana anda melaksanakannya. Bumiputera tidak mempunyai wang, mereka tidak mempunyai kemahiran, tiada perangkian dan anda mahu mereka mula," katanya.

Dr Mahathir berkata pemimpin-pemimpin Afrika yang bertemunya mahu mempelajari bagaimana Malaysia melaksanakan saham amanah termasuk skim di bawah Permodalan Nasional Berhad.

"Ia sama seperti kita dahulu, kesukaran yang kita alami, ketiadaan usahawan Melayu dan sebagainya, dan mereka melaluinya dan ia akan mengambil masa sebelum mereka dapat mengatasinya.

"Pada permulaannya sudah pasti banyak kesilapan, anda akan jatuh bangun," katanya.

Beliau berkata keupayaan beberapa negara Afrika juga terhad

memandangkan ada yang berada di bawah telunjuk IMF.

Beliau berkata Malaysia bernasib baik sedikit kerana kestabilan politiknya, tetapi pekara ini tidak di negara-negara Afrika.

"Ini membuatnya lebih sukar. Akhbar mereka sendiri tidak begitu baik terhadap mereka, kerajaan demokratik mereka tidak begitu kukuh. Jadi mereka sentiasa mendapat tekanan, sebab itu sukar untuk "bergerak".

"Kami bernasib baik kerana mempunyai kerajaan yang kuat, jadi kami dapat bergerak ke hadapan, dan kita juga melakukan kesalahan, orang mengkritik kita, tetapi akhirnya kita betulkan kesalahan," katanya.

Katanya, banyak kejayaan Dasar Ekonomi Baru telah dimusnahkan akibat serangan terhadap mata wang Malaysia, dan ramai Bumiputera sekarang berada dalam kesulitan.

Dr Mahathir berkata beliau telah mengadakan perbincangan dengan Presiden Jerry Rawlings dari Ghana semasa mereka membincangkan penyertaan perniagaan Malaysia di negara itu.

"Kami telah melihat projek-projek yang terdapat di Ghana, kesemua nampaknya berjalan baik, dan mereka berminat untuk mengadakan lebih banyak kerjasama," katanya.

Sebuah syarikat Malaysia, Business Focus telah melabur dalam sebuah taman perindustrian di Ghana.

Ucaptive Perdana Menteri pada jamuan makan malam itu bertajuk "Pengalaman Malaysia Dalam Menguruskan Pemulihan Ekonomi Di Samping Menjaga Tanggungjawab Sosio-ekonomi."

Hari ini, Dr Mahathir menyertai sesi kerja Global 2000 dan sebagai pengantara sesi yang bertajuk "Kerjasama untuk bersaing: Peranan Perniagaan dalam Penguasaan Ekonomi."

Beliau dijadual akan berlepas pulang ke Kuala Lumpur hari ini dan Dialog Antarabangsa Afrika Selatan (SAID) berakhir hari ini.

--BERNAMA

MAM RI